

Oleh M Hifzuddin Ikhsan, Nor Fazlina Abdul Rahim dan Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Bagaikan pesta. Duduk bersila santai dengan aneka juadah memenuhi ruang tikar mengkuang dibentang di kawasan padang untuk terbuka puasa, sambil melihat panorama indah matahari terbenam.

Boleh dikatakan sinonim apabila Ramadan lazim dilihat sama ada warga kota mahupun masyarakat di seluruh negara memilih lokasi tumpuan terbuka puasa dengan berkelah bersama keluarga, anak-anak, rakan serta kenalan.

Umpamanya, program terbuka puasa beramai-ramai seperti IFTAR@ Kuala Lumpur (IFTAR@KL) di Jalan Raja, Dataran Merdeka bagi mengimarahkan, memakmurkan Ramadan sebagai bulan ibadat dan keprihatinan sesama insan melalui amalan kebajikan diadakan saban tahun.

Tahun ini, program IFTAR@ KL 2024 terus dianjurkan kali ke-12 oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang bermula sejak 2012, dengan menyasarkan seramai 35,000 pengunjung menyertai berbanding 2023, iaitu seramai 30,875 orang.

Program IFTAR@ KL 2024, kali ini akan diadakan pada 23 hingga 24 Mac ini; 30 hingga 31 Mac ini dan 6 hingga 7 April depan, dengan menyediakan pelbagai pengisian program terutama majlis terbuka puasa.

Pastinya warga kota seronok terbuka puasa beramai-ramai di atas jalan raya dan padang di Dataran Merdeka sambil menikmati pemandangan menarik Bangunan Sultan Abdul Samad. Selain terbuka puasa, turut disediakan program Tadarus Al Quran, persembahan kerohanian, tazkirah dan banyak lagi.

Menurut Pengarah JKKN, Mohd Amran Mohd Haris, menariknya program itu mampu memupuk perpaduan, kerohanian umat Islam dalam menghayati bulan yang suci ini.

Umat Islam tidak melepaskan peluang untuk terbuka puasa di padang MBK1, Kuantan setiap kali Ramadan. (Foto Asrol Awang /BH)



Warga kota terbuka puasa di Dataran Merdeka.

Santai iftar umpama berkelah

Padang semakin jadi tumpuan umat Islam di seluruh negara terbuka puasa beramai-ramai



selain merapatkan dan mengeratkan silaturahim antara kaum menerusi program serta aktiviti kerohanian.

"Menerusi penganjuran itu memperlihatkan kepada dunia luar bahawa masyarakat di Malaysia harmoni, makmur dan sejahtera.

"Selain dapat menyemarakkan kebudayaan dan Kesenian Islam kepada pelancong tempatan dan antarabangsa menerusi pelancongan budaya," katanya.

Jelasnya, program itu dianjurkan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Islamic Tourism Centre dan Persatuan Seni Budaya Putra.

3 lokasi iftar di Kota Bharu

Malah, situasi sama juga dapat dirasai di Kelantan, dengan setiap kali menjelang kali Ramadan, tiga lokasi popular di negeri itu sering menjadi tumpuan orang ramai untuk terbuka puasa.

Tiga lokasi berkenaan adalah tepi Sungai Kelantan di Lembah Sireh, perkarangan Masjid Muhammadiyah dan Madinah Ramadan.

Bagi lokasi di tepi Sungai Kelantan, orang ramai akan membeli makanan terlebih dahulu sebelum berkelah di lokasi berkenaan sambil menikmati panorama Sungai Kelantan pada waktu senja.

Saban tahun terutama menjelang Aidilfitri, hampir 1,000 orang sehari akan membanjiri kawasan itu termasuk ada penduduk dari Terengganu sanggup datang semata-mata mahu merasai kenangan terbuka beramai-ramai di tepi Sungai Kelantan.

Lihat muka 30

Mengimarahkan, memakmurkan Ramadan



Masjid Muhammadi Kota Bharu menjadi antara lokasi tumpuan untuk orang ramai terbuka puasa. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Dari muka 29

Selain itu, Masjid Muhammadi, Kota Bharu juga menjadi tumpuan orang ramai dan setiap hari pihak masjid akan menyediakan makanan dan minuman percuma kepada orang ramai yang terbuka di masjid tersebut.

Tinjauan di masjid berkenaan mendapati, perkarangan masjid penuh dengan pengunjung seawal jam 6 petang dan suasana terbuka begitu meriah sekali.

Jolokan Madinah Ramadan

Pada masa sama, Madinah Ramadan juga tarikan utama di Kelantan untuk terbuka selain bertarawih kerana ramai beranggapan suasananya yang unik seolah-olah berada di Makkah.

Malah, Madinah Ramadan juga hanya dibuka sepanjang Ramadan dan makanan terbuka disediakan secara percuma untuk orang ramai yang berkunjung.

Menurut pengunjung, Ali Mohd Satar, sehingga kini dia sudah merasai terbuka di ketiga-tiga lokasi berkenaan dan setiap pengalaman dan suasana yang berbeza.

"Memandangkan ketiga-tiga tempat ini tular, saya sempat membawa keluarga merasai ketiga-tiga lokasi pada tahun lalu. Cuma Ramadan kali ini saya baru pergi terbuka di Masjid Muhammadi," katanya.

Padang MBK 1 dibanjeri warga Kuantan terbuka puasa

Padang Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) 1, menjadi 'port' paling

strategik di Kuantan, Pahang, khususnya masyarakat Islam terbuka puasa beramai-ramai di sini, sejak 1 Ramadan lalu.

Lazimnya, lebih 5,000 orang berada di sekitar padang terbuka pada Isnin hingga Khamis manakala jumlahnya lebih sekali ganda pada Jumaat, Sabtu dan Ahad sehingga 12,000 orang.

Mereka datang membawa tikar serta makanan dan minuman sama ada dibeli di bazar Ramadan atau di bawa dari rumah.

Padang MBK 1 terletak di hadapan Masjid Negeri Sultan Ahmad Satu memudahkan masyarakat Islam menunaikan solat Maghrib selepas iftar.

Bersebelahan padang MBK 1, ada Bazar Ramadan Mahkota Square memudahkan pengunjung membeli juadah terbuka.



Sheikh Mahyudin

Al-Mustafa Billah Shah dan Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah serta anakanda turut sama terbuka pada setiap Ramadan memberikan aura tersendiri.

Kehadiran baginda berdua menambah lagi seri dan tarikan hingga menjadikan padang MBK 1 sebagai lokasi wajib untuk terbuka puasa pada setiap kali Ramadan.

Kebiasaannya Jumaat, Sabtu dan Ahad menjadi pilihan ramai termasuk dari Terengganu, khususnya



Kawasan Lembah Sireh bersebelahan Sungai Kelantan jadi tumpuan orang ramai terbuka puasa, bawa hidangan siap dimasak dari rumah. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Kemaman datang ke sini.

Bagi Sheikh Mahyudin Sheikh Johari, 35, dari Jaya Gading, di sini, Ramadan ini kali kedua dia bersama isteri dan dua anak datang terbuka.

"Keseronokannya dapat terbuka di kawasan padang dan dikelilingi orang ramai yang turut sama terbuka bersama keluarga dan rakan serta mencerikan anak-anak.

"Selepas terbuka, kami ke masjid untuk menunaikan solat Maghrib," katanya.

Nur Zulaikha Shaari, 24 dari Bukit Sagu, berkata keistimewaan di padang MBK 1 juga mereka boleh membeli juadah di bazar Ramadan terletak bersebelahan.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam dan Korporat MBK, Norkamawati Kamal, berkata sekitar padang MBK 1 itu, boleh memuat kira-kira 12,000 orang terbuka puasa pada satu masa.

"Bagi memastikan kebersihan di padang, sebanyak 50 tong sampah disediakan iaitu masing-masing 30 buah untuk 240 liter setiap tong dan 20 buah untuk 120 liter setiap tong.

"Ini supaya pengunjung dapat menjaga kebersihan dan membuang sampah atau sisa makanan dan minuman disediakan," katanya.

Selain padang MBK 1, kawasan tumpuan warga Kuantan terbuka puasa ialah di Serambi Teruntum, pantai Teluk Cempedak dan Sepat serta sekitar Menara Kuantan 188.

Dataran Medan Bandar di Alor Setar 'port' tumpuan

Kemeriahan Ramadan tambah mengujakan bagi warga di Alor Setar apabila ramai terbuka puasa bersama keluarga atau rakan di kawasan Dataran Medan Bandar atau lebih dikenali dalam kalangan penduduk

tempat dengan nama Dataran Masjid Zahir.

Terletak di tengah pusat bandaraya, lokasi Dataran Medan Bandar sememangnya menjadi tumpuan kepada orang ramai terutama yang tinggal di kawasan berdekatan untuk berkumpul sambil melakukan aktiviti riadah atau merakam momen berlatar belakang Masjid Zahir.

Tarikan utama pengunjung ke Dataran Medan Bandar sudah semestinya keindahan reka bentuk Masjid Zahir yang dibina pada 1912 terutama ketika waktu senja apabila sinaran lampu hiasan mula menyinar kubah utama masjid berkenaan.

Melihat panorama menara Alor Setar

Orang ramai yang terbuka puasa di Dataran Medan Bandar juga tidak perlu terkejar untuk menunaikan solat kerana pintu masuk ke Masjid Zahir hanya terletak kurang 50 meter dengan ia dilengkapi kemudahan awam yang lengkap.

Usai mendirikan solat, pengunjung boleh memilih kembali bersantai di Dataran Medan Bandar atau menuju pula ke Pekan Rabu yang terletak kira-kira 200 meter bagi membeli kelengkapan menyambut Aidilfitri seperti baju Melayu, baju kurung serta kain samping.

Bagi yang mahu mencuba kelainan, Dataran Bunga Raya, Menara Alor Setar boleh menjadi lokasi pilihan terbuka puasa sambil menikmati panorama menara yang disirami cahaya pelbagai warna menarik.

Terletak di seberang pusat membeli-belah utama di bandaraya ini, Dataran Bunga Raya mampu menjadi pilihan kepada orang ramai yang mahu menikmati udara segar selepas berbelanja.

